

BAGAI MANAKAH PROSES DAMAI DAPAT TERUSKAN ?

Oleh

Kumpulan Menjana Kedamaian dari Orang Dalam

[Insider Peacebuilders Platform – IPP]



เอกสารประกอบ

PEACE MEDIA DAY

PPP101: Pa(t)tani Peace Process

10 ปีความรุนแรง, 1 ปี สนามสันติภาพชายแดนใต้/ปาตานี

27-28 FEB 2014 @Comm-Sci PSU Pattani

BAGAI MANAKAH PROSES DAMAI DAPAT TERUSKAN ?

Kumpulan Menjana Kedamaian dari Orang Dalam

28 Februari 2014

Tanda tangan dalam *PERSETUJUAN UMUM MENGENAI PROSES DIALOG (GENERAL CONSENSUS ON PEACE DIALOGUE PROCESS)* di antara Pejabat Majlis Keamanan Negara (MKN /NSC) yang mewakili kerajaan Thai dan Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani pada tarikh 28 hb. Februari 2013 di Kuala Lumpur. Phenomena tersebut telah menjadi satu ambang atau titik perubahan yang penting bagi situasi pergolakan di wilayah sempadan Selatan yang berterusan lebih dari 10 tahun. Majlis tanda tangan itu, di bantu oleh kerajaan Malaysia yang berperanan sebagai orang yang memberi kemudahan (facilitator) kepada dua-dua pihak. Perkembangan ini, menimbulkan rasa hairan di kalangan orang-orang tempatan sendiri. Arus komentar yang menyebut kemungkinan ada kecacatan dan kesulitan dalam proses ini, akhirnya akan menemui kegagalan. Tapi dari sudut yang lain, dinamika dari proses kedamaian ini telah membiak ruang bidang politik yang agar terbuka dalam perbincangan tentang inti konflik di Selatan Thai. Buktinya ialah aktiviti yang di anjurkan oleh badan kerajaan dan badan masyarakat sivil tempatan dan dari luar. Aktiviti ini dapat membantu penyelesaian secara damai.

Dalam tempoh delapan bulan selepas tanda tangan oleh wakil kerajaan Thai dan BRN yang mengadakan pertemuan secara rasmi berjumlah 3 kali di Kuala Lumpur. Dan juga mengadakan pertemuan secara tidak rasmi dengan pihak fasilitator berjumlah 3 kali. Dalam tempoh awal pertemuan pihak media dan publik (orang ramai) menerima perbincangan damai ini dengan positif. Tapi selepas itu, masyarakat mulai curiga. Kerana bicara damai itu nampaknya, tidak memberi kesan positif terhadap keganasan yang berlaku di lapangan. Kedua-dua pihak telah mengguna alat komunikasi berkomunikasi dengan masyarakat secara langsung tanpa ada perbicara di antaranya dengan serius. Kecurigaan di antaranya terdapat lebih tinggi dalam bulan Ramadan sehingga membawa kegagalan pada 12 Julai 2013. Walau mengatakan bahawa ada tanda Inisiatif Kedamaian Ramadan (Ramadan Peace Initiative) sekalipun.

1



Namun demikian, kedua-dua pihak masih ada niat dan hasrat supaya proses kedamaian di teruskan. Tapi bagai mana sekalipun kedua pihak pasti meningkat usaha sama supaya berjaya mencapai matlamatnya. Pihak BRN telah mencerminkan kesungguhan mereka melalui dokumen dan huraian awal tentang tuntutan 5 pekara serta minta pihak Thai menjawab sebelum teruskan bicara damai. Pihak Thai usaha menjaga prinsip bicara damai ini dapat meneruskan sebanyak mungkin dan di ikuti dengan permintaan menurunkan keganasan. Bicara damai terhenti selama 7 bulan selapas tanda tangan walau genap 1 tahun sekalipun.

Satu faktor penting ialah krisis politik yang di hadapi oleh kerajaan pimpinan Yingluk Shinawatra sehingga bubarkan parlimen. Perhimpunan anti-kerajaan masih berterusan dan mengganggu sistem pemilihan raya. Dan menyebabkan tidak mampu menubuh kerajaan baru. Krisis seperti ini tidak pernah belaku dalam sejarah politik dan pemerintahan Thailand. Di samping itu, pihak gerakan pembebasan Melayu Patani juga mempunyai pandangan yang berbeda tentang perundingan damai ini. Tetapi tidak menuntup pintu rundingan. Kerana saluran untuk perundingan itu lebeh banyak lagi. Walau suasana untuk meneruskan proses kedamaian tidak mengizinkan. Tetapi proses ini akan kembali semula bila suasana di Bangkok kembali dalam keadaan tenang dan stabil. Walaupun, situasi kegawatan politik di kota Bangkok menjadi salah satu sebat proses damai tergendala. Tetapi kami yakin bahawa proses ini dapat berlangsung seterusnya dengan baik bila kegawatan politik kembali pulih seperti biasa.

Kami ingin mengambil kesempatan ini, membayangkan situasi terkini melalui kertas dasar ini untuk analisa beberapa isu yang mencabar semua pihak. Dan serta dengan prinsip untuk mendesak semua pihak bertanggungjawab supaya proses ini mencapai kejaan dengan baik. Kami, terdiri dari para intelektual dan badan masyarakat sivil yang bergerak tentang kedamaian. Kami ingin mengesyurkan supaya membuka ruang kepada semua pihak dan juga mangsa dari konflik menyertai dalam proses kedamaian ini dengan adil. Kami yakin bahawa hasil pelajaran dan pengalaman dari kawasan konflik yang lain seperti Ireland Utara, Aceh dan Mindanao boleh memberi manfaat yang besar.



Bahagian pertama dari kertas dasar ini akan menghuraikan tentang kejayaan yang lalu dan kecacatan dalam pelaksanaan proses kedamaian. Bahagian kedua akan mengkaji 7 perkara penting yang menjadi kesulitan dalam usaha proses kedamaian dari konflik dalam Negara (Subnational Conflicts). Keganasan yang berlaku di Selatan termasuk dalam kategori ini. Bahagian ketiga ialah cadangan untuk membaiki proses kedamaian yang sedang berlangsung itu lebih ber sistem dan di percayai oleh kedua pihak dan masyarakat awam. Selain dari itu, kami ingin melihat proses ini mempunyai kekuatan yang mampu mengurus dan menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

1. FAEDAH DAN KESULITAN PROSES KEDAMAIAN YANG LALU

PERSETUJUAN UMUM MENGENAI PROSES DIALOG (GENERAL CONSENSUS ON PEACE DIALOGUE PROCESS) di antara Pejabat Majlis Keamanan Negara (MKN /NSC) yang mewakili kerajaan Thai dan Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani pada tarikh 28 hb. Februari 2013 di Kuala Lumpur. Adalah salah satu dokumen pengistiharan yang jelas di antara daulat Thai dan Badan gerakan pembebasan Patani sedia untuk mencari resolusi politik bersama. Kerajaan Thai telah memberi jaminan keselamatan dengan wakil BRN yang ikuti dalam proses kedamaian ini. Di pihak BRN sendiri akui bahawa proses ini di laksana di bawah “undang – undang perlembagaan Thai”. Dan kedua-dua pihak bersetuju dengan Malaysia sebagai faksilitator.

Pelaksanaan tentang proses kedamaian yang lalu telah membuktikan yang **BERHARGA (Assets)** tujuh perkara iaitu :

(1) Maklumat bagi pihak BRN yang berkomunikasi dengan orang awam telah menjelas kan bahawa sebahagian **ketua BRN dan BIPP telah membuktikan tanda-tanda sokongan dengan jelas**. Namun demikian, sekiranya angkatan senjata juga mnemberi tanda sokongan dengan jelas maka faktor positif terhadap proses kedamaian ini.

(2) **Penerimaan Malaysia sebagai fasilitator** adala satu jaminan bahawa pihak berkepentingan dalam pergolakan ini mempunyai kedudukan sebagai Negara jiran yang mempunyai sempadan yang berhapiran dengan Thailand akan masuk campur dalam proses



kedamaian sebagai parti ke 3 (Third party). Walau beberapa pihak tidak taruh kepercayaan sebagai orang tidak berpihak (impartiality) sekali pun. Kerana bimbang Malaysia akan berat sebelah and menentu hal-hal lain. Tapi ketetapan supaya ada pihak ketiga itu sangat penting kerana boleh membantu proses kedamaian terus berjalan dengan baik.

(3) **Prinsip bagi menerima parti-parti yang akan ikut serta proses perundingan damai pasti bersifat fleksibel** (boleh diubah-ubah) supaya boleh meliputi pokok-pokok lain, termasuk pakar dari pelbagai bidang.

(4) Wakil BRN telah **menegas kan peluang perhubungan dengan Dewan Pimpinan Parti – DPP yang mengawal dan mengarah kelompok operasi militan di lapangan**. Kita dapat lihat statistik keganasan terhadap sasaran orang awam atau “SOFT TARGET” telah menurun. Dan bagi komuniti dalam bandar telah bermula merunding kali pertama pada 12 Mac 2013. Jumlah keganasan di dapati menurun dengan jelas dalam tempoh 10 hari selepas persetujuan inisiatif kedamaian bulan Ramadan yang ada pada 12 Julai 2013. Walaupun, situasi keganasan kembali lagi selepas itu. Dan di sini, pihak BRN telah mendakwa ke atas pihak Thai yang melanggarkannya.

(5) **Ruang bicara tentang penyelesai masalah keganasan terbuka**. Isu yang pernah di haramkan untuk bicara bual seperti otonomi dan “MERDEKA” telah pun bermula bangkit bicara dengan terbuka galayak ramai. Perbicaraan isu tersebut, khususnya isu kemerdekaan dengan cara terbuka. Isu ini, susah di imiginasi sebelum ini. Tapi di akhir ini, Bila bica damai bermula pada 8 bulan dahulu. Kalimah merdeka telah menyebar oleh BRN melalui youtube dan public. Selain dari itu, perbicaraan untuk mencari jalan penyelesaian atau “JALAN KELUAR” dari pelbagai keganasan. Perbicaraan ini telah timbul kesedaran politik di kalangan rakyat setempat secara meluas. Mereka mulai berani berbacara isu yang sensitif. Pekara ini, menjadi positif kepada rakyat bagi bersiap sedia untuk memberi pandangan mencari jalan penyelesaian konflik masa depan. Walau sebahagian orang memandang dengan pandangan *negative dan syaki* atau bimbang bahawa perbuatan seperti ini salah undang-undang perl embagaan. Tetapi pelajaran proses kedamaian di lain – lain tempat menunjukkan satu perbukaan ruang untuk berbahsan hal ini. Dan menjadi satu langkah yang penting untuk membantu bicara kedamaian bagi menyelesaikan masalah konflik yang sebenar.



Kedua-dua pihak tak pasti sembunyikan perkara yang ingin melihat pada masa depan. Pekara yang dapat pelajar bersama dari proses kedamaian yang Berjaya ialah setiap pihak pasti berundur dan terbuka untuk toleransi.

(6) Bila kedua-dua pihak bersetuju menanda tangan terbuka tentang **mengurangkan keganasan** kali pertama dalam bulan Ramadan. Sayang sekali, kerana tanda itu berkesan peringkat awal an tapi gagal di sebaliknya. Dan tuduh menuduh di antaranya.

(7) Walau kedua-dua pihak merasa kecewa terhadap kegagalan itu. **Tapi kedua-duanya masih mahu proses kedamaian itu berjalan terus dengan baik.** Kerana itu, adalah tanda-tanda positif. Walau proses ini di tahap permulaan dan menghadapi pelbagai kesulitan. Kedua-dua pihak sedar bahawa konflik itu dapat selesai dengan cara perundingan. Kerana tidak mungkin mana-mana pihak akan menang dengan cara berperang. Setengah ahli politik berpendapat bahawa kalau konflik terus berlaku maka tidak menguntungkan kepada kerajaan Thai kerana negara sedang menuju AEC 2015.

Sembilan perkara **KECACATAN dan PERSOALAN** tentang proses kedamaian iaitu:

(1) Isu kebimbangan utama yang pernah bangkit awal-awal **ialah membawa semua pihak – pihak yang berkaitan ke majlis perundingan.** Soalnya, adakah wakil-wakil tersebut dapat konsensus (persetujuan) yang sebenar dari semua kumpulan masing-masing? Kerana setiap perkara yang disetujui dapat melaksana atau tidak. Di pihak kerajaan Thai pula pula, soalan yang timbul ialah peranan tentera dalam proses kedamaian. Kerana sebelum ini, pihak tentera bukan badan utama yang beranan dalam proses kedamaian ini. Demikian juga pihak BRN yang masih ada pengikut yang tidak bersetuju dengan usaha proses kedamaian ini. Namun, perkara ini mungkin akan menjadi kesulitan dan merosak suasana perundingan masa mdepan.

(2) **Kedua-dua pihak memiliki kesefahaman tentang isi kandungan utama dan cara perubahan konflik yang berbeda sekali.** Namun pihak wakil Thai berhasrat supaya situasi keganasan menurun atau berhenti atau di namakan “KEDAMAIAN NEGATIF” [negative peace]. Sementara wakil gerakan pempebasan Patani mendesak kepada pihak supaya menerima



asas konflik yang di catatkan dalam sejarah politik tempatan dahulu. Kemudian bersama menuju agenda berubah dari konflik yang dinamakan “KEDAMAIAN POSITIF” [positive peace].

(3) **Kedua-dua pihak rasa tidak senang hati atas tindakan yang dilakukan oleh satu pihak tentang huraian isi kandungan dalam rundingan Kepada penyokong dan orang awam.** Pihak BRN tidak puas hati atas tindakan Thai yang membawa isi rundingan dari bilik musyawarat tertutup kepada media masa dan telah menekan tentang isu “YANG TIDAK BOLEH MERUNDING” (non-negotiables). Sekarang, pihak Thai juga tidak puas hati kerana pihak BRN telah mengistiharkan tuntutan keras melalui Youtube tanpa ada berbincangan dahulu. Mengikut pengalaman proses kedamaian luar negeri, faktor penting bagi kedua pihak pasti memahami bersama ialah syarat atau peraturan dalam komunikasi isi kepada sektor awam. Kata lain, proses kedamaian pasti membuka ruang kepada kedua pihak menjana sikap kepercayaan dan keyakinan di antara satu sama lain. Di sudut lain pula, pasti ada ruang perbincangan dengan rakyat yang mereka masih ragu-ragu serta mencari jalan yang baik. Cara membentuk sifat keseimbangan itu pasti menggunakan masa yang agar pangjang dan pihak fasilitator juga pasti berfikir yang dinamakan Cara berkominasi bersama. (Code of Communication)

(4) Sampai ke saat ini, **proses kedamaian masih terus berbincang secara kecil-kecilan.** Tapi dalam keadaan yang tidak menentu ini. **Kedua-dua pihak bersidang dalam tempoh masa yang singkat.** Mekanisma penasihat kedua-dua pihak masih berpisah. Tanpa ada penubuhan mekanisma pembantu yang aktif dan belum di terima sebagai agenda Negara. Sokongan dari orang awam dalam keadaan yang terhad.

(5) **Pengtahuan orang-orang awam secara umum dan di kalangan media massa masih ada kesilapan.** Sebelum ini, pihak media massa sering menggunakan tahap keganasan sebagai pengukur kejayaan. Cara berfikir seperti ini, tidak memberi kesan positif terhadap proses kedamaian.

(6) Kesemua faktor yang telah jelaskan sebelum ini. **Masyarakat Thai menimbul perasaan juriga terhadap proses kedamaian.** Media massa Thai sering melaporkan Kerajaan Thai “MENANG” atau “KALAH” dan sering menyeiar bahawa BRN telah mendesak kerajaan. Di



samping itu, pandangan orang Melayu terhadap BRN dengan pelbagai pandangan. Tapi banyak pihak khuatir terhadap kesungguhan dari pihak Kerajaan Thai.

(7) Selain dari itu, **rakyat Thai keturunan Siam beragama Bhuha dan rakyat Thai keturunan Cina yang berjumlah kecil dalam kawasan itu merasa bimbang terhadap proses kedamaian ini.** Kerana mereka bimbang hal kebebasan bila penduduk majoriti Melayu berkuasa dalam pemerintahan otonomi.

(8) Pengalaman proses Kedamaian yang berjaya bukan hanya terikat kepada niat politik, kesungguhan dan kesediaan seorang pemimpin yang rela menukar dan bertoleransi sahaja. **Tapi pasti dapat sokongan kukuh dari rakyat (massa).** Sebelum ini, masyarakat sivil tempatan telah membuktikan sokongan dan berusaha mengerak supaya masyarakat memahami proses dan tujuan kedamaian ini.

(9) Akhir, Setiap pihak pasti menjawab soalan penting iaitu **apakah konsep kompromi yang menguntungkan rakyat selaku pihak berkepentingan mengikut apa yang di sebut sebelum ini.** Proses kedamaian yang berjaya, kedua-dua pihak pasti berundur dari pendirian awal.

Selepas bulan Ramadhan, perunding damai banyak tuju kepada perkara tuntutan 5 perkara BRN yang sudah menyerah kepada pihak Thai dan pihak Malaysia. Pihak BRN ingin dapat jawapan dari pihak Thai sebelum perundingan akan datang. Berkemungkinan dengan hal ini, masyarakat banyak mengeluarkan pandangan bahawa tuntutan itu berhak medakwa yang sah di sisi undang-undang atau tidak?

Oleh demikian, kalau perkara tuntutan di bawa dalam gagasan yang luas, mungkin banyak dapat faedahnya. Biasa HAK MENETUKAN NASIB SENDIRI (SELF-DETERMINATION) sudah di bangkit dalam rundingan.

2. LAPAN CABARAN UNTUK MEMBINA PROSES KEDAMAIAN DALAM NEGARA



Pekara cabaran ini, sering belaku dalam setiap proses kedamaian di seluruh dunia seperti berikut:

- (1) Unsur pemilihan, siapakah yang berhak menjadi wakil dalam prose perundingan damai?
- (2) Bagaimanakah cara akan menentukan peranan dan tanggungjawab pihak ke 3 dalam proses kedamaian?
- (3) Selain daripada pihak ke 3, bagaimana cara untuk mendapat kerjasama dan sokongan daripada mereka berkenaan yang lain?
- (4) Bagaimanakah cara mengatasi pandangan yang sangat berbeza?
- (5) Bagaimana cara menyelesaikan masalah keadilan dan melahirkan penyesuaian?
- (6) Bagaimana cara mengatasi kelainan pendapat pihak-pihak berkenaan yang mengikuti proses kedamaian?
- (7) Apabila kepercayaan berada di tahap begitu rendah maka apakah cara untuk menjayakan persetujuan di peringkat permulaan proses kedamaian?
- (8) Bagaimana cara menghadapi keadaan politik negara yang tidak stabil dan mengesankan masa depan proses kedamaian?

8

Lima pekara cabaran di atas, ada hubung kait dengan pekara tuntutan BRN. Tapi memberi huraian yang berbeza. Isu cabaran yang bermasalah ini pasti memberi huraian yang jelas. Dan huraian ini pasti bebas dari BRN. Isu perbahasan kita ialah jawapan yang akan memberi faedah kepada pihak kerajaan Thai serta pihak berkepentingan lain-lain. Bagi isu tambahan dua pekara iaitu perbezaan dalaman dan hasil persetujuan pertama dalam keadaan tanpa ada kepercayaan yang tinggi adalah kaitan dengan kes Selatan.

(1) Unsur pemilihan, siapakah yang berhak menjadi wakil dalam prose perundingan damai?

Secara umumnya, kerajaan adalah wakil dalam perundingan damai. Sebaliknya cabaran ini ada pada pihak yang bukan kerajaan. Di sudut politik pihak kerajaan ingin buat perhubungan dengan kumpulan yang mempunyai kuasa atau menjadi wakil mengarah ke atas pelaku kekerasan. Kadang-kadang, pihak kerajaan, pihak kerajaan, akan menjemput sesiapa yang mungkin terlibat dalam kes konflik dalam meja rundingan yang di namakan



“PENYERTAAN YANG INKLUSIF”. Dengan taktik ini, pihak kerajaan berniat supaya menimbul perpecahan di pihak pasangan perundingan. Sebaliknya, pihak gerakan boleh memilih wakil tunggal supaya tidak timbul persaingan.

Untuk membantu perundingan proses kedamaian berjalan terus, Setiap pihak pasti mencari persetujuan menentukan siapakah yang mempunyai kesesuaian sebagai wakil perunding. Pengalaman luar negara membuktikan bahawa proses kedamaian yang berjaya ialah kejayaan menarik kumpulan pihak berkepentingan terlibat dalam proses perundingan kedamaian. Hal ini, wakil gerakan BRN, PULO dan kelompok-kelompok lain pasti ada persetujuan sesama sendiri. Selain dari itu, rakyat dan badan masyarakat sivil tempatan juga pasti menyertai dengan sebenar. Pihak kelompok gerakan pasti membangun sayap politik yang berpotensi untuk persiapan demerundingan dan persetujuan dengan pihak kerajaan Thai.

Kejayaan proses kedamaian pasti dapat sokongan solid dari pendokong majoriti dari kedua-dua pihak.

(2) Bagaimanakah cara akan menentukan peranan dan tanggungjawab pihak ke 3 dalam proses kedamaian?

Dalam tempoh 20 tahun yang lalu, pihak ke 3 berperanan membantu penyelesaian konflik di peringkat kebangsaan dan peringkat antara bangsa. Peranan mereka pelbagai bentuk cara seperti cara diplomasi dengan senyap-senyap (discrete shuttle diplomacy) cara musyawarat yang tidak rasmi (back-channel meetings), menjadi saksi dan mengikuti pelaksanaan serta manajemen desian Perundingan. Kadang-kadang mereka juga draf butir-butir persetujuan. Buku intelektual menyifatkan pihak ke 3 ini sebagai “PERANTARAAN YANG SUCI” (PURE MEDIATION) kerana tidak terlibat dengan faedah dan keinginan kuasa tertentu. Kita dapati bahawa kebanyakan kumpulan ke 3 ini banyak berjaya kerana pertaruhan mereka ialah mengakhiri konflik. Sebaliknya pasti mendapat kepercayaan sebagai kumpulan yang neutral.



Peranan yang sesuai bagi pihak ke 3 ini, ialah menyesuaikan peranan yang selaras dengan keadaan. Walau para pakar memisahkan peranan dai antara faksilitator (FACILITATORS) dan perantaraan (MEDIATORS) sekalipun. Tapi dari sudut pelaksanaan kedua-duanya hamper sama. Oleh itu, kedua-dua harus bersepakat tentang gagasan tanggung jawab atau penggal rujukan (Term of References - TORs). Bukan berbahas apa akan di panggil pihak ke 3 ini. Hal ini, termasuk kumpulan yang mendokong proses kedamaian seperti kumpulan perhubungan antara bangsa (International Contact Group — ICG) dalam kes Mindanao. Mungkin sebahagian ahli pihak ke 3 berperanan dalam perundingan secara tidak rasmi (lihat akhir no. 3)

(3) Selain daripada pihak ke 3, bagaimana cara untuk mendapat kerjasama dan sokongan daripada mereka berkenaan yang lain?

Dari tekanan yang memberi kesan kepada mereka yang tidak ada kaitan dengan proses kedamaian secara langsung supaya mereka berkerjasama adalah terhenti kepada 3 faktor berikut. Faktor pertama ialah permohonan bentuk ini selalu lahir daripada rakyat yang mendapat kesan daripada hasil proses kedamaian secara langsung, khususnya mereka yang tinggal di kawasan yang tidak aman. Permuhunan mereka sangat betul dan tepat sekali kerana mereka terdiri daripada orang yang mendapat kesan dari proses kedamaian semata-mata. Sama ada penduduk Melayu Muslim, penduduk Thai Bhuda atau orang Thai keturunan cina. Maka dokongan daripada mereka adalah penting dalam mengadakan perjanjian damai yang tepat dan utuh.

Faktor kedua, Bagaimana cara membuat proses kedamaian yang berkesan dan akhirnya berjaya membuat persetujuan. Perkara yang paling penting sekali ialah dasar politik yang tulus ikhlas daripada dua pihak bagi meneruskan usaha ini, sekalipun terpaksa menghadapi apa-apa rintangan dan kesusahan. Selain dari itu juga, masti mengadakan proses kedamaian melalui saluran-saluran lain (multi-track peace process) supaya proses itu lebih luas dan mendalam daripada garisan perbincangan rasmi. Proses kedamaian yang di laksanakan melalui proses perbincangan dari pihak atas setiap 2-3 bulan sekali itu merupakan proses yang amat sensitif, yang mana ia mungkin di haling atau diberhentikan secara mudah lalu terpaksa mengadakan saluran-saluran lain untuk berbicara antara



beberapa pihak serta membuka peluang kepada rakyat tempatan melahirkan cita-cita dan kehendak mereka terhadap proses kedamaian ini.

Faktor lain yang akan memberi faedah ialah mengadakan kerangka kerja untuk kedamaian (infrastructure for peace support) yang dapat membantu dan mengubah dasar politik menuju persefahaman yang nyata. Kerangka kerja ini terdiri daripada para pakar dan penasihat daripada dua pihak dan juga untuk pihak ke 3. Hal ini pasti ad sebagai orang tenga lembaga bebas yang bertanggungjawab sebagai orang tengah dan menjamin keamanan kepada semua pihak dan juga kepada mereka yang akan dapat kebaikan atau mereka terpaksa melepas. Proses bentuk ini di guna pakai secara meluas dalam mengadakan proses kedamaian di perpa tempat dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Contoh yang jelas ialah pejabat setia usaha kedamaian, Pusat Tenaga Kedamain. Objektif penubuhan lembaga ini ialah untuk mengambil pakar-pakar dalam bidang berkenaan supaya mengambil bahagian dalam proses ini. Untuk mengkaji pengalamandan pengajaran yang berlaku di kawasan yang bertelingkah lain, melahirkan daya semangat, kemahiran seterusnya. Cadangan pilihanuntuk jalan keluar bagi pertelingkahan kepada semua pihak yang berkaitan. Kepada mereka yang akan dapat kebaikan atau mereka yang terpaksa.

11

Pelaksanaan urusan ini boleh di lakukan dengan kumlan mngupulkan tenaga dan kerjsama mereka yang ingin melahirkan kedamaian yang terdiri daripada orang dalam (Insider Peacebuilders Platform) itu sendiri dan di kembar dengan tenaga rakyat yang mendokong kedamaian (peace constituency) dari berbagai pihak dalam masyarakat. Campur tangan daripada pihak yang tidak a da kaitan dengan perbincangan rasmi ini. Ada perhubungan dan kepentingansecara berterusan terhadap proses kedamaian. Tuntutan ini selalunya lahir dari mereka yang menentang kerajaan seperti mana dapat di lihat daripada cadangan BRN. Daya tekanan yang menyebabkan tuntutan ini lahir adalah berpuncar daripada kemahuan mereka supaya melemahkan kuasa kerajaan yang berstatus undang-undang yang di iktiraf oleh masyarakat antara bangsa. Pasukan menentang kerajaanmselalunya memohon kepada masyarakat antara bangsa supaya berkerjasama dan menjadi saksi dalam proses kedamaian.

Kebanyakan kerajaan tidak mahu mengangkat taraf perlingkahan menjadi “ISU ANTARA BANGSA” (INTERNATIONALIZATION) tetapi pemikiran kerajaan selalunya berubah



apabila diketarakan persetujuan untuk di laksanakan dan didapati. Bahawa pemerhatian pihak ke 3 akan memberi manfaat kepada kerajaan. Tetapi sebelum berlaku hal ini, peningkatan kemampuan terhadap proses dalaman perlu di perbanyakkan.

(4) Bagaimanakah cara mengatasi pandangan yang sangat berbeza?

Berdasarkan pengalaman proses kedamaian di tempat-tempat lain didapati bahawa pada peringkat awal pihak kerajaan tidak puas hati dengan sikap lawan dalam isu yang berhubung dengan dasar asas pertelingkahan, sejarah dan kaedah perubahan melalui pertelingkahan. Isi kandungan nombor 4 mengenai tuntutan BRN yang berhubung dengan masalah “HAK KETUANAN” dan “HAK PENENTUAN KEHIDUPAN SENDIRI” oleh “RAKYAT MELAYU PATANI” adalah satu contoh yang agak jelas. Oleh itu usaha membuat persefahaman atau mencari titik persamaan itu perlu mengguna masa.

Pengalaman dalam proses kedamaian di tempat-tempat yang mempunyai keadaan yang hampir sama menunjukkan bahawa kita perlu melihat cadangan ini sebagai tuntutan supaya diiktiraf dan dihormati kehormatan suatu bangsa, sebagai ganti dari terus berbincang mengenai pokok permasalahan konflik itu sendiri. Merupakan perkara bagus sekiranya membuat pertimbangan tentangan langkah yang sesuai bagi menunjukkan pengiktirafan dan perhormatan kepada pihak lain, pengiktirafan dari sudut bahasa, kebudayaan dan sejarah tempatan secara terbuka, maka hal ini tentu sekali akan membantu dalam membentuk kepercayaan antara satu sama lain. Pilihan lain pula ialah cadangan melantik ahli jawatan kuasa kerja sama untuk menambah kefahaman dan saling mempelajari punca yang kenapa lawan berpendapat berbeza secara total.

Pengajaran lain pula yang berlaku di luar Negara ialah apabila menghadapi jalan buntu atau menghadapi “MASALAH YANG TIDAK DAPAT DIRUNDINGKAN LAGI” maka setiap pihak mulai rasa tidak puas hati dan berkemungkinan proses kedamaian akan terbantut. Dalam keadaan seperti ini, setiap pihak perlu undur satu langkah dan masing-masing membuat pertimbangan bahawa bagaimana cara untuk mempertingkatkan proses ini, sebagai ganti daripada memberi tumpuan kepada mana-mana permasalahan sahaja. Proses kedamaian di beberapa tempat seperti di Island Utara, Aceh atau Mindanao kesemuanya



menghadapi masalah yang hampir sama, yang mana pada akhirnya semua proses menemui jalan keluar yang boleh menjawab tuntutan pihak-pihak berkenaan.

Ahli politik dan pihak-pihak lain yang bekerjasama dalam proses kedamaian yang berlarutan selalunya menghadapi masalah pada peringkat awal. Mereka tidak mampu membayangkan langsung bahawa adakah boleh membuat perdamaian mengenai pendirian kritikal ini. Tetapi pengambilan bahagian dalam proses kedamaian dengan pihak lain terpaksa mengguna masa yang agak lama dan berpeluang memahami tentang isu-isu secara mendalam, termasuk juga pengalaman pahit yang dihadapi bersama. Hal ini menyebabkan mereka mulai mengulang-kaji tentang sikap dan jalan keluar-jalan keluar lain. Selain itu terdapat cadangan yang menarik untuk menambahkan kualiti kepada proses perbincangan kedamaian iaitu selalu menukar isu perbincangan sebagaimana mebesar kecilkan gambar antara cerita yang menjadi sasaran jangka masa pendek yang mana beloh membuat perdamaian secara tidak susah sangat. Ini untuk mengadakan suasana yang baik dan membantu pengurangan konflik yang berlaku dalam kawasan ini.

(5) Bagaimana cara menyelesaikan masalah keadilan dan melahirkan penyesuaian?

Terdapat dalam tuntutan BRN yang berhubung dengan masalah pembebasan semua "BADAN POLITIK". Ia merupakan titik permulaan bagi mengadakan hubungan terbaru dengan kerajaan Thai, tetapi pihak kerajaan masih belum terima tuntutan mereka, khususnya disebabkan oleh faktor undang-undang tetapi ia merupakan perkara boleh berlaku dan masih menjadi isu pembicaraan sekarang ini. Selain dari tuntutan BRN dalam hal ini, apabila sampai ke satu tahap maka proses keadamaian mesti membuat pertimbangan mengenai masalah keadilan dan penyesuaian dalam berbagai sudut. Bagaimana cara untuk membangun masyarakat semula setelah berlaku kematian yang banyak, bagaimana cara memulih kembali proses keadilan dan memperbaiki keadaan mereka yang terjejas disebabkan tindakan keganasan, mereka yang dicabuli hak asasi manusia akan diadili oleh proses keadilan atau tidak dan bagaimanakah cara mengatasi mereka yang bersalah supaya tidak terlepas begitu sahaja serta cara mewujudkan suasana penyesuaian.



Sebenarnya jawapan mengenai hal ini sudah dijawab dalam keadaan pertelingkahan-pertelingkahan lain yang mana kebanyakannya menghadapi kesusahan dalam melahirkanimbangan antara pentingnya membawa isu keganasan dalam proses kedamaian, usaha untuk memulakan cara memikir semula dan perlunya menerima hakikat status rakyat Melayu masa lampau. Dalam situasi ini terdapat pengajaran dari tempat-tempat lain paling kurang dua perkara yang mana dapat memberi jawapan-jawapan bagi isu yang sukar ini.

Masalah pertama: Mengadakan proses keadilan berbetuk penyesuaian (*restorative justice*) bagi menerapkan dalam kawasan konflik sebagai ganti proses kedamaian yang mana terdiri daripada respon kemahuan mangsa keganasan dan keadilan dengan cara mencari dan menerima kebenaran serta memulihkan mereka dengan berbagai cara (termasuk menjatuhkan hukum terhadap mereka yang melakukan keganasan). Usaha ini sebahagiannya sudah berlaku di selatan Thai.

Masalah ke dua: Mengadakan kawasan selamat untuk menukar dan mendengar kebenaran daripada mereka yang tinggal dalam kawasan pertelingkahan. Cara ini selalunya meningkat ke tahap melantik ahli jawatan kuasa mengkaji kebenaran (*Truth Commissions*). Tetapi cara ini boleh berlaku apabila setiap pihak memahami factor asas pada satu peringkat yang berhubung dengan perjanjian isu politik.

14

(6) Bagaimana cara mengatasi kelainan pendapat pihak-pihak berkenaan yang mengikuti proses kedamaian?

Proses kedamaian selalunya menghadapi masalah kelainan dalaman bagi satu pihak atau kedua pihak dan selalunya dicabar oleh mereka yang tidak ikut serta. Mereka yang membuat andaian terhadap proses kedamaian dan mereka yang menghalang cara berdamai bagi mencari jalan keluar, terkadang mereka dinamakan sebagai “PUAK PENGKHIANAT” (SPOILER). Tetapi sebenarnya mereka yang menentang proses damai yang boleh menjadi sebagai jalan keluar sahajalah berhak dipanggil puak pengkhianat.

Sekiranya dilihat dari sudut hakikat politik maka sukar untuk menyelaraskan pedapat antara dua pihak yang berkonflik supaya berubah daripada pertelingkahan yang kuat menuju



kepada persefahaman politik secara damai. Tetapi dalam beberapa keadaan terdapat daya tarikan asas yang menyebabkan satu pihak ingin memulakan ialah kemahuan bagi menyaingi mereka yang berada dalam pihak yang sama. Terdapat di beberapa tempat bahawa proses kedamaian berubah menjadi perpaduan yang begitu anih antara usaha mengurangkan keganasan sesama pihak berkonflik (*inter-party de-escalation*) dengan persetujuan sesama sendiri yang berlaku dalam pihak yang sama (*intra-party rivalry*).

Selain dari itu, perkara yang selalu muncul di peringkat awal proses kedamaian ialah isu pertelingkahan bertukar menjadi isu politik yang muncul di kalangan rakyat jelata. Sebelum berlakunya proses kedamaian, sebagai pihak tidak berani berbicara tentang tuntutan-tuntutan secara terbuka, sebaliknya cetusan proses kedamaian ini menyebabkan mereka menyedari tentang kepentingan dan peluang untuk mengemukakan pendapat secara terbuka. Adapun mereka yang sudah berpuas hati dengan keadaan semasa maka mereka bimbang bahawa persetujuan politik terbaru ini boleh menyebabkan mereka menjadi pihak terlepas. Yang mana isu ini berlaku juga di selatan Thai. Oleh itu, mereka cuba menukar isu ini menjadi isu politik (*politicization*) dengan cara yang halus.

Pengajaran yang berlaku di tempat lain menggambarkan keadaan begini. Usaha kedamaian tidak semestinya berbincang antara mereka yang bertelingkah sahaja. Malah ia perlu memberi galakan supaya berbincang tentang hal ini antara sesama sendiri. Kita mesti mencari jalan bagaimana cara untuk mengambil semua pihak berbincang serta mewujudkan pusat yang mana dapat diadakan dalam bentuk bermesyuarat dan bekerjasama dalam berbagai tahap. (sebagaimana panduan yang terdapat dalam bahagian ketiga)

(7) Apabila kepercayaan berada di tahap begitu rendah maka apakah cara untuk menjayakan persetujuan di peringkat permulaan proses kedamaian?

Sebagaimana diperkatakan dahulu, kebanyakan orang menilai perkembangan proses kedamaian melalui pengurangan tindakan keganasan. Oleh itu, perasaan kecewa terhadap keganasan yang berlaku pada bulan Ramadan setelah dibuat persetujuan bersama merupakan perkara yang dapat difaham dan boleh diterima. Tetapi masalah yang berlaku itu boleh menyebabkan kedua pihak merasai bimbang tentang keselamatan.



Pihak tentera bimbang bahawa kerajaan Thai akan bersikap lembut kepada pihak BRN dengan jaminan bahawa pasukan itu akan berhenti perang dengan bersenjata, pada masa yang sama BRN sendiri merasai bimbang bahawa apabila membuat gencatan senjata itu akan hilang kuasa penwaran dengan kerajaan Thai, yang mana kebimbangan ini selalu muncul dalam proses kedamaian. Cara yang diterima pakai secara meluas ialah mengumpulkan kekuatan kedua belah pihak untuk proses kedamaian serta memberi galakan supaya melahirkan kepercayaan secara berperingkat-peringkat, termasuk juga cara meletakkan garisan untuk mengurangkan jumlah tentera dan membuat jaminan keselamatan bersama dengan mengadakannya secara serentak serta meneruskan usaha perdamaian tentang isu politik.

Terdapat salah satu cara untuk melihat cabaran ini ialah kesungguhan terhadap proses kedamaian bagi menyelesaikan konflik berhubung dengan dakwaan hak penentuan kehidupan sendiri itu mesti dilaksanakan secara bersepadu antara perdamaian “BENTUK POSITIF” dan “BENTUK NEGATIF”. Mengadakan perdamaian bentuk positif ini akan menghasilkan natijah sekiranya dapat mengatasi masalah penting iaitu penerimaan dan penghormatan khususnya terhadap faktor bahasa, kebudayaan dan pembelajaran.

(8) Bagaimana cara menghadapi keadaan politik negara yang tidak stabil dan mengesankan masa depan proses kedamaian?

Kondisi Kepimpinan dan cita-cita politik bagi kedua-dua pasang konflik yang masing –masing mendesak supaya proses kedamaian ini dapat kejayaan. faktor asas yang penting bagi mencapai kejayaan dan mengekalkan proses kedamaian itu sangat memberi makna kepada sesiapa yang terlibat dengan isu konflik. Namun, situasi kegawatan politik di kota Bangkok yang belaku beberapa bulan lalu telah mengesankan kestabilan politik dan menimbulkan keraguan kepada gerakan pembebasan Melayu Patani bahawa bagaimana proses kedamaian akan teruskan dalam keadaan kegawatan sebegini. Dengan Kegawatan politik di Bangkok inilah menyebabkan golongan yang menghalangkan rundingan damai dalam gerakan pembebasan Patani sendiri merasa lebeh beralasan.



Perhimpunan aman rakyat berjumlah ratusan ribu yang bermula pada akhir bulan Oktober itu masih terus menerus . Mereka bermula dengan tujuan anti-rang akta pengampunan bagi kesalahan perhimpunan politik sejak tahun 2004. Perhimpunan dengan nama “Ahli Jawatan Kuasa Rakyat Untuk Perubahan Negara Thailand ke Arah Demokrasi yang Sempurna demi Maha Raja Selaku Ketua” (PDRC). Mereka meneruskan tekanan kerajaan dengan meghalau kerajaan sehingga Perdana Menteri Yingluck Shinnawatra terpaksa membubarkan parlimen. Gerakan menghalang dan menentang pemilihan raya umum pada 2hb.Feburi 2014 oleh PDRC itu menyebabkan pemilihan raya umum tidak sempurna sampai ke hari ini. Oleh demikian, parlimen tidak boleh bersidang untuk pemilihan Perdana Menteri dan perjanjian untuk menetapkan tarikh perundingan di antara pihak Thai dan BRN terpaksa menangguh dengan tanpa ketetapan tarikhnya. Keadaan terhenti di sudut politik sebegini akan mengesan kepada proses kedamaian. Tuntutan BRN yang mahu jawapan dan jaminan dari parlimen itu tidak boleh di laksanakan kerana tidak ada parlimen dan hanya kerajaan pemangku sahaja.

Sementara, situas keganasan di kawasan kembali meningkat yang penuh dengan tanda tanya. Khususnya, serangan-serangan yang tuju kepada kanak-kanak, wanita dan orang-orang yang menjadi simbolik agama. Keganasan seperti ini, mencorakan tindak balas dan dendam ke atas rakyat masing-masing dan mungkin di lakukan oleh kedua-dua pihak. Insiden ini, boleh memberi kesan negatif di antaran kelompok yang ada dalam kawasan. Phenomena seperti ini, juga berlaku di mana-mana sahaja iaitu bila perundingan terhenti maka keganasan akan kembali meningkat.

Oleh demikian, desakan supaya truskan proses perundingan dengan segera adalah satu tuntutan yang penting. Kerana mungkin akan memberi kesan buruk yang meluas. Setiap pihak harus mendesak proses kedamaian menjadi agenda masing-masing. Khususnya, bagi setiap parti politik atau kerajaan. Penentuan proses kedamaian sempadan Selatan menjadi agenda negara satu keyakinan masa depan yang penting.



3. KESIMPULAN DAN CADANGAN: MENGADAKAN PROSES KEDAMAIAAN DI SEMPADAN SELATAN/PATANI [PA(T)TANI PEACE PROCESS] YANG MEMPUNYAI DIMENSI YANG LUAS DAN MENDALAM SERTA MENGADAKAN KERANGKA ASAS YANG SESUAI BAGI MEMBANTU PROSES TERSEBUT

Sekiranya diselidiki dari sudut kejayaan dan kebuntuan serta rintangan-rintangan asas kita ada cadangan 3 dimensi seperti berikut:-

- (1) Masa depan perbincangan kedamaian di Kuala Lumpur (*Track 1*) diserahkan (*Mandate*) secara rasmi.
- (2) Mengadakan proses kedamaian berbentuk banyak saluran (*Multi-Track*)
- (3) Mengadakan kerangka cadangan proses kedamaian

(1) Masa depan perbincangan kedamaian di Kuala Lumpur (*Track 1*)

(1.1) Ahlijawatan kuasa perbincangan daripada kedua belah pihak dan pengarah perbincangan perlu melantik jabatan setiausaha kedamaian (Peace Secretariats) yang mana ada pegawai kerja tetap di situ. Ia bertanggung jawab membuat penyelarasan antara satu sama lain supaya perbincangan kedamaian dapat berjalan secara berterusan.

(1.2) Ahli jawatan kuasa perbincangan daripada kedua belah pihak dan pengarah perbincangan perlu melantik jamaah kerja bersama untuk menyelesaikan isu-isu yang masih dipertikaikan demi untuk saling memahami bersama dan mencadangkan jalan terpilih yang disetujui bersama secara beransur seperti bentuk pemerintahan dan pentadbiran yang sesuai, pembelajaran, bahasa, kebudayaan, penyelidikan tentang hakikat kebenaran sesuatu perkara dan sebagainya. Begitu juga berusaha membuat persefahaman mengenai kemungkinan yang mesti dihadapi pada masa mendatang.

(1.3) Ahli jawatan kuasa perbincangan daripada kedua belah pihak dan pengarah perbincangan menanggungkan tempuh masa perbincangan setiap kali supaya mendapat peluang perbincangan bersma lebih lama. Perlu membuat persetujuan lebih awal mengenai



agenda perbincangan secara ditil serta mengadakan “PLAN PERJALANAN KEDAMAIAAN” (roadmap for peace) bersama.

(1.4) Ahli jawatan kuasa perbincangan daripada kedua belah pihak dan pengarah perbincangan perlu membuat persetujuan bersama mengenai bentuk pelaksanaan komunikasi dan berurusan dengan media massa selain dari meja perbincangan kedamaian yang mana pelaksanaannya berbentuk sulit, seperti membuat laporan kepada sidang media mengenai keputusan menyuarat yang dipersetujui bersama dan menyerah mandate kepada pengarah perbincangan sebagai pelapor dengan disebar luas kepada masyarakat umum sama ada dalam bahasa Thai, Melayu, Inggeris dan sebagainya.

(1.5) Ahli jawatan kuasa perbincangan daripada kedua belah pihak perlu membuat pertimbangan untuk mengangkat taraf perbincangan kedamaian ke arah rundingan damai yang ditengahi oleh orang perantaraan (mediator) yang dapat diterima oleh kedua belah pihak. Selain dari itu perlu juga memberi peluang kepada pemerhati dan saksi mungkin terdiri daripada wakil kerajaan Negara jiran atau pertubuhan antara bangsa yang diiktiraf oleh kedua belah pihak. Hal ini dapat membantu supaya proses kedamaian lebih dipercayai.

(1.6) Jamaah perbincangan setiap pihak perlu berbincang dan membuat penyelarasan dalaman (*intra-dialogue*) antara berbagai kumpulan bagi mereka sendiri untuk menyatukan pendapat bersama dan membuat persediaan untuk berbincang.

(1.7) Jamaah perbincangan dari kedua belah pihak perlu membuat penekanan supaya lahir dan berkembangnya saluran perbincangan secara tidak rasmi atau saluran 1.5 (Track 1.5) untuk membuka ruang bagi mencari jalan terbaik apabila menghadapi halangan serta berfungsi sebagai jaringan yang membantu proses kedamaian (safety net) kepada proses perbincangan/rundingan damai melalui saluran rasmi (Track 1) dapat berjalan dengan lancar.

(2) Proses Kedamaian Berbentuk Banyak Saluran (Multi- Track)

(2.1) Badan Kemasyarakatan perlu bekerjasama untuk melahirkan kesedaran rakyat jelata supaya membantu proses kedamaian. Satu cadangan yang dapat dilaksanakan ialah



mengadakan majlis umum mengenai hal perdamaian secara berterusan yang mana badan kemasyarakatan dan jaringan mampu mencetuskan dan melaksanakan sendiri. Tetapi perlu mengadakan penyelarasan mengenai tempoh masa dan isu berkenaan supaya pelaksanaan kerja selaras. Hal ini dalam melaksanakan mesti memberi kepentingan kepada kerja media massa samada di peringkat kebangsaan dan peringkat tempatan supaya rakyat memahami masalah proses kedamaian ini.

(2.2) Dunia akademik dan pendidikan perlu bekerjasama dalam penyebaran pengetahuan berhubung dengan proses kedamaian.

(2.3) Media Massa di peringkat Kebangsaan dan tempatan perlu memaikan peranan penting dalam melaporkan pergerakan Proses Kedamaian secara berterusan dan bersungguh supaya masalah ini menjadi Agenda Negara.

(2.4) Supaya menggalakkan hidup bersama di bawah kelaianan kebudayaan maka perlu membuka peluang politik dan memberi peluang kepada berbagai kumpulan khususnya orang-orang Thai beragama Budha dan orang Thai keturunan Cina tempatan yang mengemukakan pendapat dan kebimbangan mereka terhadap proses kedamaian ini.

(3) Kerangka Cadangan Proses Kedamaian

(3.1) Selaian dari kerangka cadangan dalam membantu proses kedamaian secara rasmi (track 1) seperti Pejabat Setia Usaha Untuk Kedamaian, Jamaah Kerja Bersama bagi Ius Berkaitan dan lain-lain. Maka kewujudan kerangka khusus saluran 2 (Track 2) dan saluran 1.5 (Track 1.5) juga amat penting. Seperti cetusan yang dapat di lihat dengan jelas iaitu Pusat Sumber Kedamaian (Peace Resource Center) yang ditubuhkan di Pattani dan di Bangkok. Objektif pusat ini ialah penyebaran ilmu pengetahuan mengenai proses kedamaian kepada setiap pihak termasuk kepada "Stackholders". Dan juga untuk melahirkan "JARINGAN KESELAMATAN" (safety net) mesti mengundang "Stackholders" masing-masing mencari jalan keluar dan selalu mengambil tahun tentang proses kedamaian ini serta membuat "borang selidikan kedamaian" (peace poll) demi untuk menilai pendapat rakyat tempatan.



Selain daripada itu pusat ini juga membuat pertimbangan dalam kegiatan mengadakan alat bantu kedamaian.

(3.2) Melantikkan Ahli Jawatan Kuasa Kedamaian Masyarakat yang berfungsi untuk memberi kefahaman terhadap proses kedamaian secara umum. Dan mencari jalan penyelesaian dalam masyarakat untuk mengatasi masalah pertelingkahan secara damai untuk menerima perubahan melalui pertelingkahan pada masa depan.

(3.3) Mengadakan Majlis Dialog Rakyat (Council for People's Dialogue) bertanggungjawab sebagai pusat bagi berbagai kumpulan mengemukakan pendapat dan membuat perbincangan tentang isu-isu berhubungan dengan masalah yang dibincangkan melalui perbincangan secara rasmi (Track 1).

